



PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 5/2021

**SEMUA WARGA AKADEMIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN TAMBAHAN MASA PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN MENGGUNAKAN UKMFOLIO™ BAGI TUJUAN TEKNIKAL

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) ingin memaklumkan Garis Panduan Tambahan Masa Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian Menggunakan UKMFolio™ bagi tujuan teknikal. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan garis panduan tersebut untuk perhatian YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

PROF. IR. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN
Pengarah

- s.k. - Prof. Dr. Mohammad Kassim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat

GARIS PANDUAN TAMBAHAN MASA PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN MENGUNAKAN UKMFolio™ BAGI TUJUAN TEKNIKAL

TUJUAN

- 1.0 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tambahan masa bagi Peperiksaan Akhir dalam Talian menggunakan pelantar rasmi pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu UKMFolio™ bagi tujuan teknikal.
- 2.0 Pelaksanaan ini mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Polis 1967 [Akta 344]:-
 - 2.1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) – SOP Fasa 4. Tempoh kuatkuasa bagi negeri Selangor bermula pada 18 Oktober 2021 (mulai 12.01 pagi); dan
 - 2.2 Pekeliling Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) Bil. 15/2021 Covid-19: Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bersemuka berkuatkuasa 22 Oktober 2021.
- 3.0 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) Bil. 17/2020 bertarikh 27 Oktober 2020 telah mewajibkan penggunaan UKMFolio™ sebagai pelantar rasmi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di UKM termasuk pentaksiran:-
 - 3.1 Pekeliling Akademik Bil. 30/2021: Pelaksanaan Peperiksaan dan Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022 dirujuk.
 - 3.2 Panduan Peperiksaan dalam Talian dengan UKMFolio™, Pengajaran-UKM (2020) dirujuk.

DEFINISI

- 4.0 Tempoh Kertas Peperiksaan Akhir bagi Peperiksaan dalam Talian menggunakan UKMFolio™.
 - 4.1 Penyelaras kursus diminta mengisi Maklumat Keperluan Peperiksaan dalam SMPWeb.
 - 4.2 Penyelaras kursus diminta menyelaras tempoh peperiksaan akhir kepada tempoh berikut bagi memudahkan penyelarasan penjadualan peperiksaan. Walau

bagaimanapun bagi pelaksanaan Peperiksaan dalam Talian tidak digalakkan bagi tempoh masa peperiksaan melebihi dua (2) jam.

- i. 1 jam
- ii. 1 jam 30 minit
- iii. 2 jam.

5.0 Tambahan masa Peperiksaan dalam Talian menggunakan UKMFolio™ bagi tujuan teknikal.

5.1 Penambahan tempoh masa selama 30 minit selepas masa peperiksaan tamat diberikan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk memuatnaik/menghantar jawapan melalui sistem UKMFolio™.

5.2 Sekiranya berlaku gangguan teknikal semasa peperiksaan dijalankan, pensyarah perlu membuat perubahan masa peperiksaan melalui tetapan masa peperiksaan di UKMFolio dan menggunakan fitur 'Overrides' <https://bit.ly/3hXYfRN>.

PELAKSANAAN

6.0 Peperiksaan Akhir dalam Talian menggunakan UKMFolio™ boleh dilakukan menggunakan dua fitur iaitu Kuiz (Quiz) atau Tugas (Assignment).

7.0 Reka Bentuk Kuiz (Quiz) sebagai Peperiksaan Akhir dalam Talian dan pengendalian masa tambahan teknikal.

7.1 Untuk menambah tempoh tambahan masa teknikal bagi soalan peperiksaan akhir, pengajar perlu:

- a. Log in ke dalam akaun UKMFolio™ di <https://ukmfolio.ukm.my/> menggunakan No. UKMPer dan kata laluan e-warga masing-masing dan klik Log Masuk.
- b. Pilih kursus kertas soalan peperiksaan akhir.
- c. Klik butang 'Turn editing on' untuk berada di dalam mod edit.

7.2 Di bahagian Pentadbiran Kuiz (Quiz administration), klik Penetapan kuiz (Edit settings) dan skrol di bahagian *Timing* (Pemasa):

- a. *Open the quiz*: Masukkan tarikh dan masa kuiz/peperiksaan bermula dengan klik kotak *Enable* dan masukkan tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti dalam jadual peperiksaan.
- b. *Close the quiz*: Klik kotak *Enable* untuk memasukkan tarikh dan masa kuiz/peperiksaan tamat.

- c. *Time limit*: Masukkan tempoh kuiz dengan klik kotak *Enable* dan masukkan tempoh masa dalam minit atau jam. Masukkan masa tambahan teknikal 30 minit kepada masa yang telah ditetapkan seperti dalam jadual peperiksaan.
- d. Sebagai contoh, tempoh kertas peperiksaan akhir dalam talian seperti dalam jadual peperiksaan adalah 2 jam atau 120 minit, dengan tambahan masa teknikal 30 minit maka tempoh peperiksaan yang perlu dimasukkan di bahagian 7.2c adalah 2 jam 30 minit atau 150 minit.
- e. *When time expires*, biarkan tetapan lalai iaitu 'Open attempts are submitted automatically'.
- f. Pilihan *Timing* digunakan jika peperiksaan akhir dalam talian yang akan dilaksanakan tidak menggunakan aplikasi UKMFolio™ di dalam telefon pintar (alat mudah alih). Jika peperiksaan akhir dalam talian dibenarkan menggunakan telefon pintar, maka tidak perlu menetapkan tarikh, masa dan tempoh peperiksaan di bahagian *Timing*. Pengajar perlu menggunakan fitur *Restrict Access* untuk memasukkan tarikh dan masa peperiksaan bermula dan berakhir termasuk masa tambahan teknikal 30 minit.
- g. Klik 'Save and return to course' untuk menyimpan semua perubahan yang dilakukan.

8.0 Reka Bentuk Tugas (Assignment) sebagai Peperiksaan Akhir dalam Talian dan Pengendalian Masa Tambahan Teknikal.

8.1 Untuk menambah tempoh tambahan masa teknikal bagi soalan peperiksaan akhir, pengajar perlu:

- a. Log in ke dalam akaun UKMFolio™ di <https://ukmfolio.ukm.my/> menggunakan No. UKMPer dan kata laluan e-warga masing-masing dan klik Log Masuk.
- b. Pilih kursus kertas soalan peperiksaan akhir.
- c. Klik butang 'Turn editing on' untuk berada di dalam mod edit.

8.2 Di bahagian Pentadbiran Tugas (Assignment administration), klik penetapan tugas (Edit settings) dan skrol di bahagian *Availability*:

- a. *Allow submissions from*: Ini adalah tarikh dan masa mula dibenarkan untuk pelajar menghantar jawapan soalan Peperiksaan Akhir. Klik butang *Enable* untuk memasukkan tarikh dan masa yang dibenarkan untuk pelajar menghantar jawapan peperiksaan, seperti di dalam jadual peperiksaan.
- b. *Due date* (Tarikh akhir): Penghantaran masih dibenarkan selepas tarikh dan masa ini tetapi sistem UKMFolio™ akan menandakan

sebagai lewat. Klik butang *Enable* untuk memasukkan tarikh dan masa peperiksaan tamat termasuk masa tambahan teknikal 30 minit yang dibenarkan untuk pelajar menghantar jawapan peperiksaan.

- c. *Cut-off date* (Tarikh tutup): Selepas tarikh ini, pelajar tidak dapat menghantar jawapan peperiksaan dan butang *Submission* akan hilang. Klik butang *Enable* untuk memasukkan tarikh dan masa peperiksaan tamat termasuk masa tambahan teknikal 30 minit yang dibenarkan untuk pelajar menghantar jawapan peperiksaan.
- d. Klik 'Save and return to course' untuk menyimpan semua perubahan yang dilakukan.

9.0 Garis panduan ini akan berkuat kuasa pada 01 November 2021. Ia terpakai khusus bagi membantu warga akademik UKM dalam melaksanakan tambahan masa teknikal bagi pengendalian peperiksaan dalam talian menggunakan fitur UKMFolio™.

Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum
(Pengajaran-UKM)
Tarikh: 01 November 2021

RUJUKAN

Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum. 2020. Panduan Peperiksaan dalam Talian Dengan UKMFolio™. Bangi: Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salinan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pengarah Pusat Jaminan Kualiti

Pengarah Pusat Siswazah

Pengarah Pusat Kembangan Pendidikan

Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik